

# Pemimpin UMNO bidas perhimpunan

U.M. 17 AUG 1993

**K**UALA LUMPUR 16 Ogos — Pemimpin-pemimpin UMNO termasuk Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas pihak-pihak tertentu yang menganjurkan perhimpunan besar-besaran untuk mengecam pemimpin lain seperti mana yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Sabtu lalu.

Mereka juga menyatakan rasa kesal kerana agensi-agensi kerajaan seperti KEMAS dan Biro Tatanegara (BTN) telah diperalatkan oleh pihak-pihak berkenaan untuk berkempen menjelang perhimpunan agung parti November nanti.

Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran bahawa agensi-agensi kerajaan seperti KEMAS dan BTN serta pegawai-pegawainya

tidak boleh diperalatkan untuk tujuan kempen oleh pihak-pihak tertentu menjelang perhimpunan agung.

Katanya, sesiapa pun di dalam UMNO tidak dibenarkan mengguna jentera kerajaan untuk berkempen menjelang pemilihan parti.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri menasihatkan ahli-ahli UMNO agar jangan mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk tujuan tersebut.

Katanya, KEMAS dan BTN hanya boleh digunakan sebagai jentera kerajaan dalam mempertahankan kedudukannya.

"Kita boleh guna jentera kerajaan dalam mempertahankan kerajaan, tetapi tidak mempertahankan mana-mana individu dalam kerajaan, sesiapa pun

■ Lihat muka 2

# Pemimpin UMNO bidas perhimpunan

U.M. 17 AUG 1993  
tidak boleh guna," katanya kepada para pemberita selepas merasmikan Forum Daya Saing Kebangsaan, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai adanya perbuatan memperalatkan pegawai-pegawai KEMAS untuk pemilihan parti pada perhimpunan agung itu.

Sabtu lepas, satu perhimpunan tertutup bertemakan "Ke arah Perpaduan Melayu" berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang dihadiri oleh 8,000 orang terdiri daripada kakitangan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta anggota-anggota pertubuhan belia dan UMNO dari seluruh negara.

Bagaimanapun perhimpunan itu telah menjadi medan mengecam beberapa pemimpin tertentu dalam UMNO.

Antara pemimpin UMNO yang berucap pada majlis itu ialah dua orang naib presiden iaitu Dato' Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Sri Sanusi Junid, anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Adnan Yaakob dan Timbalan Ketua UMNO Bahagian Gaya, Sabah, Bandi Pilo yang mewakili Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Tun Datu Mustapha Datu Harun.

Pegawai tinggi kerajaan yang turut hadir ialah Ketua Pengarah KEMAS, Othman Said.

Mengulas tindakan pihak-pihak tertentu yang mengadakan perhimpunan secara besar-besaran di PWTC itu, Perdana Menteri berkata, perhimpunan besar sudah pasti melibatkan penggunaan wang yang banyak.

"Kalau perhimpunan yang besar-besar tentu gunakan duit, kalau tidak ada duit macam mana nak buat perhimpunan macam itu," katanya.